

# LBS BINA GROUP

bakal lancar projek hartanah  
RM1.68 bilion Ms.34/63

# BH HARTANAH

**Info**

**Projek Pembangunan 8 Conlay**

→ Projek seluas 1.6 hektar  
→ Dijangka siap pada 2020

→ Mempunyai tiga menara  
→ Dua menara residensi setinggi 61 dan 56 tingkat

→ Dihubungkan dengan dua jambatan udara di tingkat 26 dan 44

→ Satu menara hotel lima bintang, Kempinski Hotels

FOTO HAFIZ SOHAMI



Pengarah Urusan KSK Land, Joanne Kua dan arkitek, Ar Hud Bakar pada sesi temu bual bersama BH di Galeri Jualan 8 Conlay.

## Reka bentuk, landskap 8 Conlay unik

→ Rekaan futuristik dua menara bangunan kediaman lebih menonjol

Oleh Azzman Abdul Jamal  
azzman@bh.com.my

**R**eka bentuk unik, selain menerapkan landskap kehijauan dan alam sekitar adalah antara ciri keistimewaan yang terdapat pada projek pembangunan bercampur, 8 Conlay. Disertakan ciri lengkungan yang terdapat pada dua menara

kediaman bangunan berkenaan, ia bakal membuatkan struktur bangunan terbahit lebih menonjol berbanding bangunan lain di ibu negara.

**Reka bentuk futuristik**

Berkongsi mengenai pelan perancangan reka bentuk 8 Conlay, Arkitek, Ar Hud Bakar mengakui, ia sememangnya bukan mudah untuk menghasilkan rekaan futuristik itu, sebaliknya memerlukan

kepakaran dan dedikasi tinggi bagi merealisasikan reka bentuk berkenaan.

"Projek itu dinamakan 8 Conlay berikutan lokasi tapak projek yang terletak di Nombor 8, Jalan Conlay. Disifatkan sebagai nombor bertuah, kita menghasilkan reka bentuk lekuk bagi dua menara berkenaan berdasarkan karakter nombor lapan dalam bahasa Mandarin.

"Lengkungan antara dua menara masing-masing setinggi 61

dan 56 tingkat itu turut mengambarkan logo Yin dan Yang, dan ia sekali gus membuatkan struktur bangunan terbahit unik dan elegan berbanding bangunan lain," katanya pada sesi temu bual bersama BH, di ibu negara, baru-baru ini.

Hud berkata, reka bentuk 8 Conlay turut diterapkan dengan elemen hijau dan alam sekitar bagi melengkapkan 'jiwa' dan sifat bangunan berkenaan. → **Lihat Ms.34**

## Struktur pembinaan terap elemen hijau, alam sekitar

← Dari Ms.33

"Selain dengan struktur pembinaan unik, 8 Conlay direka bentuk dengan mengambil kira cita rasa bakal pembeli yang inginkan keseimbangan antara suasana keadaan di tengah bandar serta dikelilingi persekitaran kehijauan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan KSK Land Sdn Bhd (KSK Land), Joanne Kua, berkata projek pembangunan bercampur itu adalah pembangunan sulong syarikat berkenaan dan kerjasama pertama dengan Hud Bakar.

**Tawar-unit residensi mewah**

Katanya, projek seluas 1.6 hektar yang terletak di kawasan segi tiga emas di tengah-tengah Kuala Lumpur itu menawarkan unit residensi mewah dikenali sebagai Y008, yang menawarkan 1,062 unit kediaman dilengkapi satu hingga tiga bilik.

Dua menara residensi itu turut dihubungkan dengan dua jambatan udara di tingkat 26 dan 44.

"Menara A mempunyai 564 unit residensi berkeluasan 700 hingga 1,308 kaki persegi yang dijual pada harga RM3,200 kaki persegi secara purata, manakala Menara B, mempunyai 468 unit.

"Pembangunan ini juga dilengkapi hotel lima bintang iaitu Kempinski Hotels, setinggi 68 tingkat dengan 260 bilik hotel, suite servis dan komponen peruncitan," katanya.

Kua berkata, selain Hud, KSK Land turut bekerjasama dengan syarikat reka bentuk antarabangsa Y00 dan firma reka bentuk landskap terkemuka dari Thailand, TROP dalam projek pembangunan terbahit.

"Kempinski, kumpulan hotel mewah tertua di Eropah pula bakal menyediakan perkhidmatan untuk menara residensi dan juga menguruskan menara hotel berkenaan.

**Akses pelbagai perkhidmatan peribadi**

"Penduduk akan mempunyai akses terhadap pelbagai perkhidmatan peribadi seperti mengemas kediaman, valet dan perkhidmatan penjagaan am yang disediakan oleh kakitangan terlatih profesional.

"Selain itu, mereka boleh menikmati kemudahan di taman hijau, laluan bersemenam, kolam renang, gimnasium swasta dan lounge serta bar di bumbung," katanya yang turut menambah pembangunan 8 Conlay yang mempunyai anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM5.4 bilion, dijangka siap pada 2020.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya menyasarkan 50 peratus pembeli tempatan dan selebihnya warga asing.

Bagi pembangunan jenis komersial pula, Kua berkata, ia akan diuruskan oleh KSK Land dengan syarikat itu menjangkakan 50 peratus daripada ruang komersial adalah untuk makanan dan minuman (F&B) dan bakinya konsep gaya hidup.

"Kami akan membawa jenama terkemuka untuk mengisi ruang komersial 8 Conlay, bagi menjadikannya lebih prestij," katanya.